

## **500 anak pokok bakau ditanam sekitar pesisiran pantai SJSAS**

# **500 anak pokok bakau ditanam sekitar pesisiran pantai SJSAS**

**LUMUT** – Sebanyak 500 anak pokok bakau ditanam di sepanjang pesisiran pantai Stesen Janakuasa Sultan Azlan Shah (SJSAS) di Teluk Rubiah, dekat sini semalam sebagai usaha kelestarian alam sekitar kawasan tersebut.

Ia adalah satu daripada 15 lokasi yang dipilih di seluruh negara bagi penanaman anak pokok bakau sempena sambutan ulang tahun Tenaga Nasional Berhad

(TNB) ke-74 semalam.

Ketua Pegawai Kawal Selia dan Pengurusan Stakeholder TNB, Datuk Shamsul Ahmad berkata, ia adalah sebahagian daripada 74,000 pokok daripada enam spesies yang diunjurkan ditanam di pelbagai lokasi seluruh negara sepanjang tahun ini.

"Kita sebenarnya tiada pilihan dan perlu menanam lebih banyak pokok bermula sekarang demi kelestarian untuk generasi

akan datang," katanya ketika melancarkan program My Brighter Green itu di SJSAS milik TNB Janamanjung Sdn. Bhd. di sini semalam.

Menurut Shamsul, pesisiran pantai tanah tebus guna SJSAS seluas 280 hektar itu sebelum ini telah ditanam dengan 25,000 pokok bakau.

Mohd. Zaini pula menjelaskan semua anak pokok bakau yang disediakan oleh PSHBL itu dita-

nam secara berperingkat mengikut kesesuaian paras surut air laut dan tapak yang dipilih.

Beliau memaklumkan bahawa semua anak pokok yang ditanam itu akan dipantau secara berterus bagi memastikannya terus hidup.

Katanya, ia adalah sebahagian usaha syarikat itu untuk mengekalkan keseimbangan ekosistem serta sebagai zon penampungan dalam menghalang ombak

kuat dan ribut kencang dari arah laut menuju daratan, selain sebagaimana habitat flora dan fauna di pesisiran laut.

"Selain penanaman pokok bakau, mungkin selepas ini akan menanam spesies pokok lain di lokasi lain pula," ujarnya.

Tambah Mohd. Zaini usaha ini sebagai badan korporat untuk bersama-sama kerajaan dan rakyat bagi melestarikan alam sekitar.